

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn
Dalam Perjumpaan dengan Guru2 di-Rumah Guru2,
Kota Bahru, Kelantan pada 5hb. Mei, 71 jam 8.30
malam.

Terlebeh dahulu saya menguchapkan ribuan terima kaseh atas kesudian tuan2 dan puan2 menjemput saya ka-majlis yang meriah ini. Saya merasa sangat sukachita mendapat peluang berjumpa dan beramah mesra dengan tuan2 dan puan2 sekalian. Saya merasa bertambah gembira kerana dapat bertemu dengan guru2 yang terdiri daripada segala golongan dan lapisan. Pada biasa-nya saya berpeluang bertemu dengan guru2 dalam kumpulan2 yang berasingan yang masing2 mempunyai kepentingan-nya sendiri. Hari ini tuan2 dan puan2 telah sanggup membenarkan kepentingan kumpulan masing2 demi kepentingan bersama. Ini ada-lah satu tanda baik bagi masa hadapan kaum guru2 khas-nya dan lapangan pelajaran dan pendidekan 'am-nya. Saya harap kesanggupan ini biar-lah dapat di-amalkan dalam kerja2 dan kegiatan sating hari di-dalam dan di-luar sekolah.

Amalan ini akan membawa kepada kerjasama yang lebeh rapat di-antara satu2 golongan dengan golongan yang lain dan dengan jalan itu pula akan terjalin saling mengerti yang saterus-nya akan membuahkan muhibbah yang berkekalan. Ini adalah salaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha-nya hendak membentok satu masharakat yang muhibbah dan bersatu padu.

Tidak shak lagi bahawa tempat yang sesuai sekali untok kita menyemaikan perasaan dan semangat muhibbah dan bersatu padu ia-lah di-sekolah2. Murid2 yang di-bangku sekolah itu akan menjadi jenerasi yang akan menggantikan kita kelak; atas kejayaan tuan2 dan puan2 memupok semangat muhibbah ini-lah akan terjamin-nya negara yang aman dan penghidupan masharakat yang setabil dan maju. Tuan2 dan puan2 sabagai pendidek tentulah lebeh faham akan jalan fikiran kanak2 dan bagaimana-kah chara2 yang sabaik2 hendak membimbing mereka ka-arrah matalamat kita itu.

Zaman ini ada-lah zaman yang penoh dengan kemajuan yang tidak ada tolok banding-nya di-zaman yang lampau. Perkembangan2 pengetahuan demikian pesat-nya sahinggakan manusia dapat mendarat di-permukaan bulan dan baru2 ini pula manusia telah berjaya mengambil langkah2 permulaan untok membena pengkalan di-angkasa. Kemajuan dalam lapangan pelajaran dan pendidekan tidak ketinggalan. Ahli2 pendidekan di-negeri2 yang maju saperti Amerika, negori2 di-Eropah dan Britain sentiasa menjalankan penyelidikan mengenai saikoloji kanak2 dan kaedah yang sebaik2-nya di-gunakan untok mendidek mereka.

Tidak dapat di-napikan bahawa pengetahuan adalah satu perkara yang tidak beku atau statik; ia sentiasa bertambah, berubah bahkan ada juga yang menjadi usang atau obsolete. Ia bukan sahaja bertambah dan berkembang tetapi relevance-nya dalam satu2 saman juga berubah. Satu2 fakta yang benar dalam satu zaman tidak samesti-nya benar dalam zaman yang lain. Ada fakta2 yang bagitu penting dan di-titek beratkan dalam satu masa, oleh kerana datang-nya fakta2 baru hasil dari penyelidikan maka fakta yang dulu-nya penting itu sudah menjadi usang. Sabagai sabuah negara yang membangun kita

tidak mahu ketinggalan jauh di-belakang. Kita tidak puas dengan usaha2 membangun samata2; kita mahu berkejar, dan mengejar kemajuan sachepat mungkin supaya dapat segera sa-tanding dengan negara2 yang maju.

Berkaitan dengan hal ini saya rasa guru2 saharus-nya-lah menyesuaikan diri dengan perkembangan terbaru bukan sahaja dalam lapangan iktisas tetapi juga dalam lapangan pengetahuan 'an. Sangat-lah burok padah-nya jika mereka yang di-tugaskan untuk membentok masharakat yang maju dan dinamis, maseh lembab dan mundor, maseh berkerak dengan pengetahuan atau ilmu yang usang dan kaedah2 mengajar yang sudah ketinggalan zaman.

Kementerian saya memang sentiasa berusaha menchari jalan untuk membaiki mutu pelajaran dan pengajaran di-sekolah2 dengan mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan dan dengan menghantar guru2 ka-negeri2 yang maju untuk mengikuti kursus2 khas dalam segala bidang pelajaran. Kursus2 dalam perkhidmatan yang di-jalankan dalam chuti penggal dan juga pada hujung minggu di-beberapa pusat di-seluruh negeri ada-lah di-ranchang dengan teliti dan memerlukan perbelanjaan yang banyak. Pegawai2 yang di-beri tanggung jawab untuk menjaya-kan kursus2 ini adalah terpilih dari para guru2 dan pensharah2 yang berpengalaman dan nahir dan mereka itu adalah pakar dalam lapangan pelajaran masing2. Bagi lapangan2 pelajaran dalam mana kita tidak ada pegawai2 anak negeri yang pakar kita pinjam pakar2 dari negeri2 sahabat yang maju saperti Amerika, Britain, Kanada, Australia dan New Zealand.

Dalam tahun 1970 Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sabanyak \$1,750,000/= dan tahun ini jumlah ini akan meningkat kapada \$2,200,000/=. Semua ini membuktikan betapa bersungguh2-nya Kementerian Pelajaran berazam hendak menjamin mutu pengetahuan akademik dan iktisas guru2 supaya sentiasa selaras dengan kemajuan dan perkembangan2 dalam lapangan pelajaran dan pendidekan. Guru2 hendak-lah mengambil peluang untuk menghadiri kursus2 ini dan mengikuti-nya dengan penoh minat; sertai semua kegiatan2 yang di-jalankan dalam kursus dengan chergas bukan semata2 mendengar sharahan, tetapi chergas dalam perbinchangan, dalam kerja2 kumpulan, dalam menyediakan alat dan kerja2 lain yang di-beri oleh pensharah. Dengan jalan ini sahaja-lah sa-saorang peserta itu akan mendapat faedah sapenoh-nya dari kursus itu.

Saya telah di-beritahu bahawa ada di-antara peserta2 menghadiri kursus senata2 sabagai 'penumpang' yang passive. Mereka hanya mendengar dan tidak menyertai kegiatan2 lain yang menjadi bahagian penting dalam kursus itu. Mereka ini datang hanya hendak menganbil peluang berchuti; nampak-nya kapada mereka itu yang lebeh mustahak ialah keseronokan yang di-dapati di-bandar salepas kuliah dan pada waktu malam. Pendek kata mereka hadir semata2 untuk kepentingan nafsu sendiri dengan perbelanjaan kerajaan. Mereka tidak sedar bahawa merekalah yang tertipu oleh diri sendiri dan mereka-lah sendiri yang menanggung rugi. Ini ada-lah satu sikap yang tidak di-ingini; sikap yang mencherminkan akhlak yang lemah yang tidak harus terdapat dalam kalangan guru2 dan hendak-lah di-kikis sama sekali. Guru2 yang tidak sanggup memajukan diri sendiri dan mengambil peluang yang di-sediakan bagi-nya tidak harus mengekal sebagai guru.

Sabalek-nya pula saya merasa gembira menerima laporan yang mengatakan ada guru2 yang menggunakan dengan bersungguh2 pengetahuan yang telah di-dapati-nya dari kursus2 dalam Perkhidmatan; malah mereka ini giat pula menyebarkan pengetahuan baru-nya kapada rakan2 sajawat-nya yang tidak berpeluang berkursus. Mereka ini mengadakan sidang2 cheramah dan perbinchangan saperti satu kursus 'kechil'. Ini-lah semangat yang kita kehendaki dalam kalangan guru2 kita dan kapada mereka ini saya ucapkan 'shabas'. Apabila semangat saperti yang ada pada mereka ini dapat meresap kaseluruh golongan guru2 maka saya yakin masa hadapan mutu pengajaran di-sekolah2 adalah terjamin.

Sekarang suka pula saya menyentoh sadikit akan perojek2 baharu Sekolah2 Rendah dan Menengah yang bakal di-adakan oleh Kenenterian Pelajaran untuk faedah anak2 kita di-negeri Kelantan khusus-nya. Dalam tahun 1971 ini, Kerajaan telah meluluskan 14 perojek pelajaran di-negeri Kelantan yang di-jangka menelan belanja lebeh dari \$1,500,000. Di-antara perojek2 itu

yang terbesar ia-lah pembenaan Sekolah Menengah Kota Bahru yang berasrama penuh. Sekolah ini nanti akan mempunyai 24 bilek darjah, 9 ma'amal sains, sebuah ma'amal sains rumah tangga, bengkel seni perusahaan, perpustakaan, sebuah pejabat, sebuah bilek Guru Besar, sebuah bilek guru2 dan lain2 kemudahan. Dalam rancangan yang sama Kerajaan akan membena sebuah asrama bagi menempatkan 400 orang murid2 lelaki dan 200 orang murid2 perempuan.

Maka dengan ada-nya sekolah menengah berasrama penuh ini, saya berharap agar ramai lagi anak2 kita di-Kelantan akan dapat melanjutkan pelajaran tinggi masing2. Selain daripada itu, dari peruntukan yang begitu besar, Kementerian saya akan mengadakan beberapa kemudahan lagi seperti menambah bilek2 darjah, pejabat2 Guru Besar, kantin, pagar padang permainan, setor dan lain2-nya. Maka di-sini nyatalah kepada kita pelajaran anak2 kita dari hari ka-sehari mempunyai kemudahan yang lebih baik. Oleh hal yang demikian saya menyeru guru2 sekalian supaya bersungguh2 mengajar anak2 kita dengan ada-nya kemudahan2 itu, dan dengan itu nanti mereka akan menjadi lebih berguna demi kepentingan negara dan jenerasi akan datang.

Akhir-nya suka-lah saya menyeru kepada tuan2 dan puan2 semua supaya mengawasi akhlak anak2 kita yang mudah terpengaruh oleh anasir2 yang menarek minat kerumajaan mereka.

Akibat daripada kemajuan sains dan teknologi ia-lah kemajuan dalam bidang perusahaan dan pengaruh-nya dalam chara hidup kita hari2. Sikap manusia terhadap kebendaan telah menimbulkan perubahan dalam perubahan dalam nilai hidup-nya. Di-negeri2 barat perubahan nilai ini telah membawa kepada muncul-nya anak2 muda liar yang tidak dapat di-kawal oleh ibu bapa dan masharakat. Ini-lah yang kita hendak elakkan di-negeri kita. Di-samping menggesa murid2 berusaha mengejar kemajuan, tuan2 dan puan2 juga hendak-lah memupok semangat chinta kepada kesusilaan dan keperibadian timor yang telah kita pusakai sekian lama-nya. Dengan jalan ini dapat-lah kita membena satu masharakat yang maju serta berakhlak tinggi.



No. Siri 34
No Penerimaan 34/80